



STPM 2027
(KEMAS KINI : 13 MEI 2026)

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
KALENDAR PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2027**

PERKARA	PEPERIKSAAN BERTULIS STPM 2027				
	Semester 1	Semester 2	Semester 3	Ulangan 1	Ulangan 2
Tahun Pelaksanaan	Tahun 2026	Tahun 2027	Tahun 2027	Tahun 2027	Tahun 2027
Tarikh Pendaftaran Dibuka	19 Jun 2026 (Semua jenis calon)			Akan dimaklumkan kemudian	Akan dimaklumkan kemudian
	-	4 Januari 2027 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)	-		
		2 Ogos 2027 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2026)			
Tarikh Pendaftaran Ditutup	3 Julai 2026 (Semua Jenis Calon)			Akan dimaklumkan kemudian	Akan dimaklumkan kemudian
	-	29 Januari 2027 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)	-		
		30 Ogos 2027 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2026)			
Tarikh Peperiksaan Bertulis	30 November, 1, 2, 3, dan 7 Disember 2026	Akan dimaklumkan kemudian	Akan dimaklumkan kemudian	Akan dimaklumkan kemudian	Akan dimaklumkan kemudian

Nota:

1. Semua maklumat yang tertera adalah tertakluk kepada pindaan dan kelulusan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.
2. Pendaftaran bagi calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dibuat sekaligus pada Semester 1. Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu boleh mendaftar pada Semester 1 atau Semester 2.
3. **Pilihan 1, memperbaiki keputusan keseluruhan**
 - (a) Calon STPM 2026 boleh memperbaiki keputusan secara **keseluruhan peperiksaan** STPM 2026 (**Pilihan 1**) dengan mendaftar STPM 2027 sebagai calon sekolah swasta atau calon persendirian individu. Calon akan menduduki peperiksaan bertulis STPM 2027 bagi Semester 3, Ulangan Semester 1, dan Ulangan Semester 2.
 - (b) Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2026 **pilihan 1**, boleh memilih sama ada hendak membawa gred Kerja Kursus (KK) tahun lepas atau mengambil kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK (bagi mata pelajaran yang menawarkan kertas alternatif bertulis). Bagi calon yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding tahun lepas, calon dikehendaki mengambil kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK. Sila rujuk **Kalendar STPM 2027 dan Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2027 (perkara 5)**.
4. **Pilihan 2, memperbaiki keputusan secara kaedah tampal (Patching)**
 - (a) Calon STPM 2026 juga boleh memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2026 dengan mendaftar peperiksaan secara kaedah tampal (**Patching (Pilihan 2)**) sebagai calon sekolah swasta atau calon persendirian individu. Calon akan menduduki peperiksaan bertulis pada tahun 2027, iaitu peperiksaan Semester 1 (**Patching**), Semester 2 (**Patching**), dan Semester 3 (**Patching**). **Keputusan akan dikeluarkan dalam tahun yang sama STPM 2026 dikeluarkan**. Sila rujuk Kalendar **Patching** STPM 2026 yang akan dimuat naik di portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
 - (b) Calon **pilihan 2** gred kertas kerja kursus atau kertas alternatif bertulis akan diambil daripada keputusan tahun sebelum. Sila rujuk **Kalendar STPM 2027 dan Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2027 (perkara 5)**.
5. Panduan Umum Pengurusan dan Pengendalian KK, Kalendar KK, dan bahan KK mengikut mata pelajaran boleh dirujuk di portal Majlis Peperiksaan Malaysia.
6. Permohonan semak semula keputusan dibuka selama 5 hari bermula dari tarikh keputusan peperiksaan Semester 1, Semester 2, dan Semester 3 diumumkan.
7. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) melalui telefon di talian **03-61261600 samb. 1661/1662/1663/1664/1665** atau e-mel ke stpm@mpm.edu.my.